

 Selasa, Feb 06 2018

Pindah wang ke negara asing elak cukai di Malaysia

LHDN kesan syarikat manipulasi untung

Oleh FADZIL ZAINOL

pengarang@utusan.com

■ KUALA LUMPUR 5 FEB.

ASPEK penguatkuasaan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tahun ini turut tertumpu kepada usaha mengesan syarikat yang sengaja memindahkan keuntungan masing-masing ke negara asing atau pasaran luar pesisir untuk mengelak membayar cukai di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Sabin Samitah berkata, berdasarkan pemeriksaan, pihaknya mendapati ada syarikat yang tidak mematuhi undang-undang percukaian apabila mengadakan transaksi dengan syarikat luar negara atau luar pesisir.

Katanya, tindakan pendakwaan yang tegas akan dikenakan terhadap ejen-ejen dan individu yang bersekongkol dalam usaha mengelak membayar cukai.

"Pematuhan cukai akan menyasarkan syarikat-syarikat industri khas seperti perbankan, insurans dan kewangan serta ke-tirisan cukai daripada ekonomi tidak berdaftar dan aktiviti pindahan harga oleh segelintir syarikat multinasional.

"Fokus juga akan diberikan terhadap syarikat-syarikat yang ter-

Tindakan pendakwaan yang tegas akan dikenakan terhadap ejen-ejen dan individu yang bersekongkol dalam usaha mengelak membayar cukai."

SABIN SAMITAH

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN

libat dengan aktiviti perancangan cukai secara agresif khususnya dengan sengaja memindahkan keuntungan ke negara yang mempunyai kadar cukai rendah semata-mata mahu mengelak membayar cukai di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Hi-Tea bersama Agensi Media Malaysia yang dihadiri oleh pengarang-pengarang kanan syarikat akhbar tempatan di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad dan Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah.

Jelas Sabin lagi, sehingga kini LHDN telah mengesan hampir 50 syarikat tempatan dan multinasional yang beroperasi di pasaran luar pesisir Labuan melibatkan jumlah cukai yang mencurigakan.

Katanya, LHDN telah mempertingkatkan sistem pengumpulan maklumatnya sekali gus dapat mengesan lebih banyak usaha-usaha mengelak cukai yang dilakukan.

Beliau pada masa sama melahirkan perasaan kurang senang terhadap beberapa pihak yang cuba mencipta persepsi negatif terhadap LHDN kononnya agensi itu bertindak di luar batasan untuk mengesan individu dan syarikat yang mengelakkan cukai sedangkan segala usaha dibuat itu adalah demi kepentingan negara.

"Sentimen negatif ini boleh mempengaruhi tindakan seseorang yang mungkin menyebabkan kurang kepercayaan dan akhirnya hasil negara tidak dapat dikutip sewajarnya," kata beliau.

Sementara itu, beliau merakamkan penghargaan kepada media tempatan kerana membantu agensi itu untuk mempromosikan segala kempen dan aktiviti penguatkuasaannya sepanjang 2017 termasuk menyediakan lebih 12,000 laporan berkenaan LHDN sehingga 31 Disember lalu.

UTUSAN 6/2